

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAKOOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
ANUGERAH USAHAWAN MARA (AURA) 2016**

**DEWAN UTAMA, ARAS 6,
HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR**

**16 MAC 2017, KHAMIS
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,
Salam 1 MARA

SALUTASI MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah swt kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama sempena Majlis Perasmian Anugerah Usahawan MARA (AURA).

PEMERKASAAN SEKTOR KEUSAHAWANAN MARA

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati,

2. MARA adalah hasil daripada aspirasi kepimpinan terdahulu untuk memartabatkan bangsa dan berperanan sebagai sebuah agensi yang memperjuangkan masyarakat Bumiputera. Sebagai agensi yang mengelola Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, MARA bertanggungjawab membangunkan pelbagai program keusahawanan bagi merapatkan jurang ekonomi yang sedia wujud di antara usahawan Bumiputera berbanding usahawan bukan Bumiputera.

3. Sepanjang 50 tahun penubuhannya, MARA telah berjaya memainkan peranannya sebagai *socioeconomic engineering agency* dalam menyumbang kepada pembinaan negara bangsa Malaysia yang makmur. MARA juga adalah *local champion in entrepreneur development* di mana telah berjaya melahirkan seramai 1 juta usahawan dengan jumlah pusingan ganti (*turn over*) sebanyak 2.5 billion. Untuk tempoh 50 tahun yang akan datang MARA akan memimpin usahawan Bumiputera daripada hanya menjadi *Regional Champion* ke *Global Champion*.

4. Kejayaan sebenar MARA ialah dalam **menyumbang kepada pembentukan 70% masyarakat kelas menengah Bumiputera**. Masyarakat kelas menengah inilah yang meningkatkan **Status Sosio Ekonomi (SES) Bumiputera dan seterusnya menjadi pemangkin atau catalyst pembangunan negara** pada hari ini.

5. Kepada usahawan-usahawan yang telah bersedia menghadapi cabaran yang lebih besar, MARA telah menyediakan pinjaman yang lebih besar nilainya melalui Strategi Lautan Biru (NBOS) bersama bank-bank di Malaysia yang dinamakan **Skim Jaminan Usahawan (SJUM)**.

6. Pihak MARA juga berusaha membantu usahawan melalui pemilikan aset dan ekuiti melalui program **BARON** yang memberi kemudahan pinjaman kepada usahawan yang berupaya membeli saham syarikat.

7. Dalam melaksanakan pembangunan usahawan, pihak MARA dalam RMK Ke-11 telah meletakkan tumpuan dan sasaran kepada pembentukan usahawan korporat, usahawan tekno, usahawan peruncitan, usahawan pembuatan dan kontraktor wibawa dengan jumlah sasaran adalah 500 usahawan. Usahawan peruncitan juga diberi fokus dimana sasaran pembangunan 100 usahawan perabot telah disasarkan untuk tahun 2016.

8. Disamping itu bagi melengkapkan **Transformasi Luar Bandar KKLW** dalam meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, pihak MARA berusaha membangunkan produk-produk keluaran luar bandar seperti mengkuang, daun getah dan lain-lain untuk pasaran dalam dan luar negara.

9. Sementara itu, kita melihat Bajet 2017 telah memperuntukkan sebanyak RM120 juta untuk program pembangunan usahawan termasuk latihan, kemudahan pinjaman, program *food truck*, HALAL Hub, *mobilepreneur* dan lain-lain yang dijangkakan akan memberi kemudahan kepada 3,500 usahawan dan bakal usahawan. MARA juga mempunyai RM600 juta dana pusingan (*revolving fund*) yang akan memberi kemudahan pembiayaan kepada usahawan- usahawan yang berkelayakan.

10. MARA juga mempunyai 7206 lot perniagaan yang menjana jualan hampir RM2 billion setahun dengan memberi kemudahan sewaan kepada usahawan. Usaha ini juga memberi peluang pekerjaan kepada 19,734 orang melalui kemudahan yang disediakan ini.

11. Dalam perkembangan terkini, fokus pemasaran bukanlah kepada dalam negara sahaja tetapi perlu menerokai pasaran luar, terutamanya pasaran ASEAN dimana 40% daripada penduduk adalah dalam golongan *medium income* atau berpendapatan sederhana yang mana bersesuaian dengan produk dan perkhidmatan yang dapat kita tawarkan.

PEMERKASAAN EKONOMI BANGSA DAN NEGARA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Pembangunan keusahawanan merupakan di antara pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara. Ia menjadi teras kepada inovasi dan transformasi ke arah era kreatif serta ekonomi berpendapatan

tinggi. Tiada negara mampu mencapai kemajuan tanpa memiliki ekosistem keusahawanan yang komprehensif selain memiliki modal insan cemerlang dan berpengetahuan tinggi serta pantas bertindak balas serta peka terhadap perubahan.

13. Dengan bertambahnya bilangan usahawan serta syarikat Bumiputera yang mendapat manfaat daripada program-program pembangunan keusahawanan MARA bermakna tanggungjawab MARA kepada kumpulan sasar ini semakin meningkat.

14. MARA perlu memastikan *outcome* program-program pembangunan keusahawanan adalah sentiasa relevan dan memenuhi *trend* semasa di dalam negara mahupun di peringkat global malah syarikat-syarikat Bumiputera ini perlu berusaha untuk terus kekal (*sustain*) serta mampu berdaya saing menghadapi perubahan dalam situasi ekonomi global pada hari ini.

ANUGERAH USAHAWAN MARA

15. Program Anugerah Usahawan MARA (AURA) yang diadakan pada mala mini adalah untuk memilih dan memberi anugerah kepada usahawan-usahawan yang cemerlang di dalam perniagaan masing-masing. Mereka adalah terdiri daripada pelanggan-pelanggan yang pernah menerima kemudahan daripada aktiviti/program yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan, Bahagian Pembiayaan Perniagaan MARA dan juga Bahagian Industri Komersial MARA.

Disamping itu, AURA juga diperkenalkan sebagai satu pengiktirafan dan penghargaan atas azam serta usaha-usaha gigih usahawan sehingga mencapai kecemerlangan di dalam perniagaan mereka di samping memberi rangsangan dan dorongan kepada kelahiran serta kebangkitan usahawan yang berdisiplin, berwibawa serta membanggakan supaya menjadi contoh kepada usahawan Bumiputera yang lain.

AURA 2016 Peringkat Kebangsaan telah menyediakan tujuh (7) kategori anugerah iaitu :-

- (i) Anugerah Tokoh Usahawan,
- (ii) Anugerah Usahawan Korporat (mengikut outcome) :
 - a) Anugerah Usahawan Korporat;
 - b) Anugerah Teknousahawan;
 - c) Anugerah Usahawan Peruncitan;
 - d) Anugerah Usahawan Pembuatan dan

e) Anugerah Kontraktor Wibawa.

- (iii) Anugerah Usahawan Belia
- (iv) Anugerah Usahawan Wanita
- (v) Anugerah Persatuan Penyewa Terbaik
- (vi) Anugerah Premis Perniagaan Terbaik
- (vii) Anugerah Jenama Terbaik

PENUTUP

16. Saya berharap agar semua pihak dapat menyokong usaha yang dilakukan MARA ini kerana sokongan anda semualah yang banyak memberi motivasi dan suntikan semangat untuk MARA terus mengambil inisiatif dari pelbagai sudut untuk memastikan kelangsungan perjuangan bangsa kita.

17. Maka dengan kata-kata itu dan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Anugerah Usahawan MARA (AURA) 2016.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.